

# VITABION TABLET

Thiamine mononitrate (B1)/Pyridoxine hydrochloride (B6)/Cyanocobalamin (B12) (100mg/200mg/200 mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Vitabion
2. Bagaimana Vitabion berfungsi
3. Sebelum mengambil Vitabion
4. Cara menggunakan Vitabion
5. Semasa menggunakan Vitabion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vitabion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Vitabion

Ia digunakan pada orang yang mempunyai gangguan saraf dan kekurangan atau peningkatan keperluan vitamin B1 B6, B12. Ini mungkin disebabkan oleh komplikasi daripada penyakit seperti kencing manis dan kerosakan saraf pada alkoholik. Ini juga boleh merangkumi keradangan, degenerasi atau sakit belakang dan gejala ketidakselesaan lain.

## Bagaimana Vitabion berfungsi

Vitabion adalah gabungan tiga vitamin penting (B1, B6 dan B12) untuk saraf dalam dos yang tinggi.

## Sebelum mengambil Vitabion

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Vitabion jika anda:

- hipersensitif (alergi) kepada mana-mana bahan aktif atau mana-mana bahan lain dalam *Vitabion*
- mempunyai penyakit *Leber* (kehilangan penglihatan yang diwariskan)
- mempunyai *Wernicke's encephalopathy* (penyakit neurologi)
- mempunyai anemia megaloblastik (gangguan darah) semasa kehamilan

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Vitabion jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Semua bahan aktif didapati dalam susu ibu. Jangan ambil Vitabion jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan

nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengambil

Sebelum mengambil Vitabion, maklumkan kepada doktor mengenai senarai ubat-ubatan anda yang terkini, produk-produk di atas kaunter (contohnya vitamin, suplemen herba, dsb.), alergi, penyakit yang sedia ada, dan keadaan kesihatan semasa (misalnya kehamilan, pembedahan yang akan datang, dan sebagainya). Seseengah keadaan kesihatan boleh membuat anda lebih mudah terdedah kepada kesan sampingan ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Cycloserine, Ethionamide, Isoniazid (antibiotik untuk batuk kering)
- Penicillamine (untuk mengeluarkan kumprum berlebihan dari badan)
- Hydralazine, methyldopa (untuk tekanan darah tinggi)
- Immunosppresants seperti Azathioprine, Chlorambucil, corticosteroids, corticotrophin (ACTH), Cyclophosphamide, Cyclosporine, Mercaptopurine
- Estrogen dan kontraseptif mengandungi estrogen
- Levodopa (untuk penyakit Parkinson)
- Aminoglycosides, chloramphenicol (antibiotik)
- Aminosalicic acid (ubat tahan sakit)
- Anticonvulsants (untuk epilepsi)
- Biguanides (untuk kencing manis)
- Cholestyramine (untuk kolesterol tinggi)
- Cimetidine (untuk sakit gastrik)
- Colchicine (untuk gout)
- Garam kalium (suplemen kalium)

## Cara menggunakan Vitabion

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ambil satu tablet tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Vitabion

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Vitabion

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Vitabion dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Mengambil dos vitamin B6 yang tinggi dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan kerosakan saraf yang teruk.

Memandu dan menggunakan jentera  
Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Vitabion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan setiap vitamin adalah seperti di bawah yang jarang berlaku:

Thiamine: Reaksi anafilaktik (batuk, kesukaran menelan, geligata, gatal-gatal kulit, bengkak muka, bibir atau kelopak mata, berdehit atau kesukaran bernafas) biasanya selepas dos yang tinggi ke dalam urat.

Pyridoxine: Dos yang tinggi yang diambil selama beberapa bulan telah menyebabkan kehilangan rasa terutama di bahagian tangan dan kaki yang teruk, yang berciri gaya jalan yang tidak stabil dan kaki kebas yang akan merebak kepada tangan.

Cyanocobalamin: Reaksi anafilaktik (ruam kulit, gatal-gatal, berdehit)

Kesan sampingan lain yang kurang kerap termasuk cirit-birit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Vitabion**

- Penyimpanan  
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30°C.

- Pelupusan  
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk  
Berwarna kuning kemerah-merahan, bulat, dwicembung, bersisi serong kedua-dua permukaan, tablet bersalut filem dengan logo pengilang terukir pada satu belah dan kosong di belah lain
- Bahan-bahan kandungan
  - Bahan aktif  
Thiamine mononitrate (B1),  
Pyridoxine hydrochloride (B6),  
Cyanocobalamin (B12)
  - Bahan tidak aktif  
Dibasic calcium phosphate, Povidone (PVP K-30), Povidone (PVP K-90), Propylene glycol, Cherry cider flavor, Edetate disodium, Purified water, Isopropyl alcohol, Colloidal silicon dioxide, Sodium starch glycolate, Glycerol behenate, Magnesium stearate, Opadry II 85G18490 White, Lake Ponceau 4R (C.I. No. 16255), Lake Sunset yellow (C.I. No. 15985),

Simethicone emulsion 30%, Eudragit E 100, Titanium dioxide, Talc, Polyethylene glycol (PEG 6000), Isopropyl alcohol dan Acetone

- Nombor MAL  
MAL07050202XZ

#### **Pengilang**

Unison Laboratories Co., Ltd.  
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang Chachoengsao, Chachoengsao 24000 Thailand

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Medispec (M) Sdn. Bhd.  
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2 (Off Boundary Road) 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

6.3.2018

#### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)240118/00024